



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2019/04/27 (HQ)

1,400 BERKAYUH SANTAI DALAM HUJAN

Hujan beserta angin kuat tidak menghalang 1,400 penggemar sukan berbasikal dari dalam dan luar negara, memulakan kayuhan sejauh 121 kilometer di TNB Janamanjung Fellowship Ride (TNB JMFR) edisi ke-12, di Teluk Batik, Manjung kira-kira 7.15 Ahad lalu, [28 April 2019].

Malah, hujan berterusan hampir tiga jam terus mengiringi mereka, menyebabkan masing-masing basah kuyup sejak di garisan permulaan di Taman Awam Teluk Batik. Mereka berkayuh menuju pekan Parit dan Ayer Tawar yang memaparkan pemandangan Tanjung Belanja berhampiran Sungai Perak, sebelum kembali ke Teluk Batik.

Edisi kali ini adalah bersempena TNB Janamanjung Sdn Bhd (TNBJ) menyambut ulang tahun ke-20 kewujudan Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah (SJSAS) di Manjung. Ia menjadi lebih bermakna apabila Tenaga Nasional Berhada (TNB) pula bakal meraikan ulang tahun ke-70 pada 1 September 2019.

Semua peserta sama ada secara berkumpulan, anak beranak mahu pun individu begitu teruja dengan acara santai berbasikal ini dengan ada yang seawal 5.30 pagi sudah berada di tapak permulaan dan mengambil sekitar lima jam untuk menamatkan perlumbaan.

Mereka adalah penggemar aktiviti berbasikal daripada pelbagai lapisan masyarakat dengan termuda berumur 13 tahun manakala paling berusia mencecah 70 tahun. Terdapat juga kalangan peserta itu orang kurang upaya seperti cacat penglihatan.

Para peserta dilepaskan bersama oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Noor Afifah Abdul Razak dan Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal bukan Islam dan Kampung Baharu Perak, YB Yong Choi Kiong.

Hadir sama Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman; Ketua Pegawai Penjanaan TNB, Ir Roslan Abdul Rahman dan Pengarah Urusan TNBJ, Datuk Shamsul Ahmad.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 30 April 2019, jam 11.45 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke media@tnb.com.my*